

29 SEP 2000

Mahathir-Hudud/I

MALAYSIA BELUM BERUPAYA LAKSANA HUDUD, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa buat masa ini Malaysia tidak berupaya melaksanakan hukum Hudud walaupun ia sebahagian daripada ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia tidak dapat melaksanakan undang-undang berkenaan, itu tidak bermakna Malaysia sebuah negara bukan Islam.

Malahan, 53 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sebenarnya tidak melaksanakan hukum itu kerana mereka kurang upaya, katanya pada sesi soal jawab selepas beliau merasmikan Wacana Pemikir Belia Islam Kebangsaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

"Jika sesiapa lebih tahu (tentang OIC melaksanakan hukum Hudud), tolong beritahu saya. Bukan kerana mereka menolaknya, tetapi...mudah, kerana mereka tidak berupaya melaksanakannya dengan cara baik," katanya.

Bagi Malaysia, Dr Mahathir berkata walaupun ia menerima ajaran Islam, ia tidak berupcaya melaksanakan beberapa perkara tertentu antaranya hukum Hudud.

Kepada soalan sama ada negara-negara Islam patut mempunyai sebuah kerajaan dengan mempunyai seorang ketua, Dr Mahathir berkata Malaysia menyokong kewujudan negara sendiri kerana sistem itu dianggap yang terbaik.

"Malaysia menyokong penubuhan negara sendiri sehingga satu masa apabila semua umat Islam di seluruh dunia membuat keputusan bahawa mereka adalah dari satu negara dan menerima siapa saja umat Islam sebagai pemimpin," katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara Islam lain pada masa ini juga tidak bersedia ditadbir sebagai sebuah kerajaan.

Kepada soalan sama ada wanita boleh menjadi perdana menteri di Malaysia, beliau berkata jika mereka mempunyai sifat kepimpinan, mereka boleh menjadi "tiang negara" pada satu hari nanti.

"Tetapi seorang perdana menteri tidak akan terjadi semasa tempoh saya," katanya disambut gelak ketawa.

Dr Mahathir juga menasihatkan pemuda pemudi Islam supaya tidak dipengaruhi budaya Barat kerana itu boleh membawa kesan buruk kepada budaya sendiri.

Perdana Menteri juga meminta mereka yang diamanahkan untuk mendidik pelajar khususnya di UIAM supaya tidak membuang masa pelajar yang mahu menimba ilmu dan membaiki diri sendiri.

-- BERNAMA

ARA NZ MAI